

PM - KUASA 2,2,2,

1982

ALUR SETAR, 15 DIS. (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENEGASKAN KUASA YANG DIPEROLEHI DARI POLITIK ADALAH UNTUK BERBUAT KEBAIKAN DAN BUKAN UNTUK MENUNJUKKAN KEKUATAN.

'KUASA YANG DIPEROLEHI DIGUNAKAN UNTUK MEMBAWA KEBAIKAN SEPERTI PEMBANGUNAN DAN ADALAH UNTUK SEMUA,' KATANYA.

'KUASA INI YANG DIPEROLEHI DARI PERJUANGAN POLITIK BUKANLAH UNTUK KITA MENEPUK DADA DAN BERKATA YANG KITA KUAT.'

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA DEMIKIAN KETIKA BERUCAP DI MAJLIS KESYUKURAN DI SEKOLAH KEBANGSAAN TITI GAJAH DEKAT SINI HARI INI SEMPENA MENYAMBUT KEMENANGAN BARISAN NASIONAL DALAM PILIHAN- RAYA LALU.

BELIAU BERKATA PERJUANGAN UMNO JUGA ADALAH UNTUK MEMBAWA KEBAIKAN KEPADA BETIAP LAPISAN MASYARAKAT DAN SEBAB INILAH SELEPAS 36 TAHUN PARTI ITU DITUBUHKAN, IA MASIH KUAT. -- LAGI 2115/MB
ZCZC B673

PM - KUASA 3 ALUR SETAR 2,2,2,

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA UMNO MEMPUNYAI DASAR UNTUK BERBAIK DENGAN SEMUA PIHAK DAN TIDAK MENGANGGAP SESIAPA SEBAGAI MUSUH.

'UMNO BERJUANG MENJAGA KEPENTINGAN BANGSA, AGAMA, NEGARA DAN SEMUA KAUM DAN KINI TELAH BERJAYA MEMBAWA PEMBANGUNAN YANG JAUH BERBEZA DENGAN MASA LALU,' KATANYA.

'UMNO MAHU MENGEKALKAN INI DAN TIDAK MAHU BERMUSUH DENGAN SE- SIAPA SUPAYA MASYARAKAT BAHAGIA DAN KEBURUKAN TIDAK MENIMPA'.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA JENERASI MUDA JUGA MEMBERI BOKONGAN KEPADA UMNO DAN MEREKA BEKERJA KUAT UNTUK MEMBAWA KEBAIKAN KEPADA SEMUA TANPA MENGIRA KEPENTINGAN DIRI. -- LAGI 2118/MB

ZCZC B674

PM- KUASA 3 ALUR SETAR 2,2,2,

KATANYA SEGALA KEBAIKAN DAN PEMBANGUNAN TIDAK DAPAT DIBAWA KEPADA RAKYAT BESEBUAH NEGARA ITU JIKA IANYA BERADA DALAM KEADAAN KUCAR-KACIR.

BELIAU MENAMBAH KATA HASIL DARI KEBAIKAN YANG DIBAWA, NEGARA INI KINI TELAH MENCAPAI KEJAYAAN DALAM BERBAGAI BIDANG WALAUPUN MASIH BANYAK LAGI YANG PERLU DIPERJUANGKAN. -- BERNAMA 2120/MB